

31 MAY 1996

Yong-Pindaan

DRAF PINDAAN UNDANG-UNDANG SABAH DIPAMER MINGGU DEPAN

KOTA KINABALU, 31 Mei (Bernama) -- Draf pindaan terhadap lima undang-undang negeri Sabah bagi menghadkan kuasa Ketua Menteri negeri itu dijangka dipamerkan kepada orang ramai minggu depan, kata Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, hari ini.

Katanya draf pindaan itu sepatutnya dibahaskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri 26 April lepas tetapi persidangan itu ditangguhkan kepada Jun ini berikutan permintaan kalangan anggota Dewan yang mahukan lebih masa untuk menelitinya.

"Draf ini akan dipamerkan untuk tatapan orang ramai sama ada pada hari mesyuarat mingguan kabinet negeri Rabu depan atau selepas itu," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan Pesta Kaamatan oleh Yang Dipertua Negeri Tan Sri Sakaran Dandai, di Hongkod Koisaan di sini.

Undang-undang itu ialah Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 yang bertujuan memindahkan kuasa Ketua Menteri kepada kabinet negeri.

Pindaan terhadap undang-undang negeri itu dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Februari tahun lepas bagi menghadkan kuasa Ketua Menteri Sabah yang dirasakan melebihi daripada kuasa yang ada pada Ketua Menteri atau Menteri Besar di negeri-negeri lain.

Pada 15 Mei lepas, kabinet negeri yang ketika itu diterajui Datuk Salleh Said Keruak bersetuju dengan cadangan jawatankuasa khas kabinet mengenai pindaan berkenaan, untuk mempamerkan draf pindaan itu sebelum ia dibahaskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 17-18 Jun ini.

Jawatankuasa kabinet itu yang diketuai Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh, juga menyarankan agar draf berkenaan disiarkan dalam media massa untuk tatapan orang ramai.

Yong, yang dilantik sebagai Ketua Menteri Selasa lepas dalam sistem penggiliran jawatan itu di Sabah, berkata satu lampiran akan dikepilkan dalam draf pindaan terhadap Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 bagi memudahkan orang ramai memahami rasional di sebalik pindaan itu.

-- BERNAMA

JS AKD